

Eshah binti Abdullah dan Lima Yang Lain*lwn.***Che Aminah binti Abdul Razak dan Dua Yang Lain**

[Mahkamah Rayuan Syariah Di Kuala Terengganu, Terengganu (Dato' Dr Abdullah bin Abu Bakar, KHS, Dato' Haji Daud bin Muhammad, HMRS, Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman, HMRS) 4 Safar 1425 bersamaan 25 Mac 2004]

[Kes Rayuan Mal No: 11000-017-4-2003]

Pengesahan Hibah - Sama ada Hibah dibuat mengikut Hukum Syarak - Penghibah telah meninggal dunia - Dakwaan bahawa Hibah tidak berlaku - Tidak ada Qabul atau penerimaan dari Penerima Hibah - Sama ada Qabul diisytiharkan secara terang pada masa tidak ada penarikan balik Hibah - Kebolehterimaan dan kebolehpercayaan keterangan saksi berkepentingan pada barang hibah - merupakan saksi hibah - sek.83, 85, 90, 99, 100 dan 108 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Fakta Kes

Di dalam kes ini Plaintiff-Plaintif (Perayu-perayu) menuntut harta sepencarian ke atas Defendan-Defendan (Responden-Responden) daripada harta pusaka Mohamad bin Abdullah, di Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Terengganu dan tuntutan ini sebahagian besar diselesaikan secara sulh. Dan dalam Pernyataan Pembelaan Defendan-Defendan membuat tuntutan balas mendakwa bahawa tanah si mati iaitu Muhamed bin Abdullah, K/P : 0458553 suami kepada Defendan 1, Aminah binti Abdul Razak yang memakai GM 210 Lot 3467, Mukim Bukit Besar dengan kadar 2/12 bahagian beserta rumah kedai 3 pintu 1629A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu adalah wasiat si mati kepada Zaini binti Mohamad, Noraini Hayati binti Mohamed Yusof dan Che Aminah binti Abdul Razak (Defendan 1), tetapi kemudiannya harta berkenaan didakwa sebagai Suatu Hibah.

Di dalam perbicaraan Defendan 1 telah mengemukakan 4 orang saksi untuk membuktikan dakwaannya termasuk 2 orang yang dinyatakan sebagai penerima Hibah iaitu Zaini binti Mohamad dan Noraini Hayati binti Mohamed Yusof.

Plaintif-Plaintif (Perayu-Perayu) semasa perbicaraan menyatakan bahawa Hibah tersebut tidak mengikut Hukum Syarak kerana tidak ada penerimaan atau Qabul dari penerima-penerima selepas Si mati menyebut "rumah nak beri ke Mu sebuah, beri kepada Zaini sebuah dan beri kepada Norhayati sebuah". Mahkamah Tinggi Syariah memutuskan sabit bahawa Si mati telah memberi milik secara kekal tanah yang memakai GM 210 Lot 3467 Mukim Bukit Besar, Panji Alam Kuala Terengganu dengan kadar 2/12 bahagian beserta rumah 3 pintu kepada Aminah binti Abdul Razak, Zaini binti Mohamad dan Noraini Hayati binti Mohamad Yusof.

Plaintif-plaintif tidak berpuashati atas keputusan tersebut dan membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu. Persoalan samada Qabul atau penerimaan Hibah merupakan suatu syarat penyempurnaan hibah dan jika ia menjadi syarat adakah perlu dibuat secara terang dan jelas selepas pemberian atau cukup dengan Qarinah-qarinah lain yang membuktikan adanya penerimaan. Dan pada keadaan pemberi Hibah telah meninggal dunia dan tidak ada penarikan balik Hibah, bagaimanakah Qabul atau penerimaan Hibah sempurna. Apa yang menimbulkan pertikaian di sini ialah pemberian hibah yang dibuat oleh Si mati telah dipersaksikan oleh saksi-saksi dan tidak ada penarikan balik dalam masa hayat Si mati. Namun begitu bangunan yang menjadi hibah masih memakai nama Si mati.

a

b

Diputuskan

Mahkamah menerima rayuan Perayu-Perayu dan keputusan YA Hakim Bicara dikekalkan dengan pindaan iaitu:

c

1. Tuntutan Hibah oleh Aminah adalah sabit sementara dua yang lain (Noraini Hayati binti Mohamed Yusof, K/P: 620126-11-5182 dan Zaini binti Mohamed, K/P : 710323-11-5192 boleh menuntut bahagian masing-masing semasa pelaksanaan keputusan di Mahkamah Bicara.
2. Pihak-pihak menanggung kos.

d

Peguam Syarie :

Perayu-perayu : Engku Hassan Ashari bin Engku Ali
Responden-Responden : Tuan Haji Mukhtar bin Abdullah dan Cik Asmayani Suhaida binti Kamaruddin dari Tetuan Zamani Mohamad & Co.

e

Kitab-kitab yang dirujuk

f

1. *I’aanah al-Taalibin*, muka surat 168.
2. *Fiqh al-Sunnah*, muka surat 541.
3. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, oleh Dr. Wahbah Az-Zuhaily, Juzuk 1, muka surat 456, Juzuk 5 muka surat 25.
4. *Kitab al-Umm*, Juzuk 2 muka surat 10, Juzuk 15 muka surat 373.
5. *Kifayah al-Ahyar*, Juzuk 1, muka surat 324.
6. *Mughni al-Muhtaj*, Juzuk 4, muka surat 427.

g

h

Undang-Undang yang dirujuk

- a* 1. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, Sek. 83, 85, 90, 99, 100 dan 108.

Alasan Penghakiman Dato' Dr. Abdullah Bin Abu Bakar, KHS.

Kes ini melibatkan dua perkara iaitu :-

- b* A. Penghakiman persetujuan (Sulh) oleh kedua-dua belah pihak dengan kehadiran Plaintiff-Plaintiff bersama Peguam Syarie pihak-pihak dan YA Hakim Bicara membuat perintah seperti berikut :-

- c* 1. Harta berikut diterima sebagai Harta Pesaka Mohamed bin Abdullah, K/P : 0458553 (selepas ini dirujuk sebagai "Si mati") dan dibahagikan kepada kesemua Muddai'e dan Mudda'a 'Alaihi sebagai pewaris Si mati yang sah dan layak menerimanya menurut hukum Faraid :-

(a) Harta Tak Alih

- d* i. Semua bahagian tanah berketerangan hakmilik H.S.(M) 1219 Lot P.T.1756P Baroh Pineh, Mukim Chendering, Kuala Terengganu;
- e* ii. 1/2 bahagian tanah berketerangan hakmilik KRM 989 Lot 1433 Alor Nipah, Mukim Pulau Kerengga, Marang, Terengganu;
- iii. Semua bahagian tanah berketerangan hakmilik GM 763 Lot 2588 Kg. Kuala Tengah, Mukim Pulau Kerengga, Marang, Terengganu;
- f* iv. 443/631 bahagian tanah berketerangan hakmilik KRM 635 Lot 538 Alor Besar, Mukim Bukit Besar, Kuala Terengganu; dan
- v. 38880/123200 bahagian tanah berketerangan hakmilik KRM 638 Lot 541 Ujong Alor Besa, Mukim Bukit Besar, Kuala Terengganu beserta sebuah rumah kediaman setingkat di atasnya yang beralamat No. 1728-A, Jalan Budiman, Off Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu.

(b) Harta Alih

- h* Sebuah motosikal Honda C 86 bernombor pendaftaran TD 9568.

2. Harta berikut diterima sebagai Harta Sepencarian antara Si mati dengan kesemua atau sebahagian daripada Mudda'a 'Alaihi yang dinyatakan selepas ini dan diberikan kepada mereka seperti berikut :-
- (a) Diberikan harta tak alih berikut kepada Aminah binti Abdul Razak, K/P : 0458545 sebanyak :-
- i. 1/6 bahagian daripada tanah berketerangan hakmilik GM 331 Lot 984 Alor Kolek Batu 22- Mukim Merchang, Marang, Terengganu; dan
 - ii. 1/6 bahagian daripada tanah berketerangan hakmilik GM 332 Lot 985 Alor Kolek, Mukim Merchang, Marang, Terengganu.
- (b) Diberikan harta tak alih berikut kepada Aminah binti Abdul Razak, K/P : 0458545 dan Minah binti Awang, K/P : 0464253 yang akan dibahagikan sama banyak antara mereka :-
- i. 1/6 bahagian daripada hartanah berketerangan hakmilik GM 1001 Lot 2311 Kampung Pulau Rusa, Mukim Merchang, Marang, Terengganu; dan
 - ii. 1/6 bahagian daripada hartanah berketerangan hakmilik GM 105 Lot 633 Bukit Pintu Gerbang, Mukim Merchang, Terengganu.
- (c) Diberikan 1/12 bahagian tanah berketerangan hakmilik KRM 989 Lot 1433 Alor Nipah, Mukim Pulau Kerengga, Marang, Terengganu kepada Aminah binti Abdul Razak, K/P : 0458545, Minah binti Awang, K/P : 0464253 dan Kelsom binti Mohamad, K/P: 5157678 yang akan dibahagikan sama banyak antara mereka.
- (d) Diberikan harta alih berikut kepada Aminah binti Abdul Razak, K/P:0458545, Minah binti Awang, K/P :0464253 dan Kelsom binti Mohamad, K/P : 5157678 yang akan dibahagikan sama banyak antara mereka :-
- i. 1/6 bahagian daripada kesemua wang yang terdapat dalam Akaun ASN dan ASB Si mati yang bernombor keahlian A 194162005 pada tarikh penyelesaian pembayaran wang tersebut;
 - ii. 1/6 bahagian daripada nilai sebuah mesin padi yang ditempatkan berhampiran sebuah rumah No. 1524, Jalan Ibrahim, Kg. Bukit Besar dan;

GM 210 Lot 3467 Mukim Bukit Besar dengan kadar 2/12 bahagian beserta rumah kedai 3 pintu 1629 A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu adalah Suatu Hibah.	a
Defendan 1 mengemukakan saksi-saksi berikut untuk membuktikan bahawa Si mati yang meninggal dunia pada 1/12/1993 semasa hayatnya telah memberi kepada Zaini bahagian sebelah, kepada Norhayati yang tengah dan kepada Aminah yang tepi belah Bandar.	b
Saksi-saksi yang dikemukakan ialah:	
Saksi 1	
Zaiton binti Ismail (62) K/P : 360315-11-5080, 1718549 1712 Jalan Panji Alam 21100 Kuala Terengganu.	c
Saksi 1 adalah adik ipar kepada Defendan 1 yang tinggal sekampung. Saksi 1 selalu pergi ke rumah Aminah sebagai adik beradik. Saksi 1 tahu Haji Mohamed ada buat rumah atas tanah GM 210, Mukim Bukit Besar atas nama ramai. Hak Haji Mohamad ialah 2/12 bahagian dan dibina 3 buah kedai untuk disewa. Rumah kedai 2 tingkat beralamat 1629 A, Jalan Panji Alam. Saksi 1 memberitahu yang dia ada menolong Haji Mohamed bayar cukai pintu. Suatu hari Haji Mohamed ada sebut kepada saksi ini “Mu tolong gi bayar cukai pintu, rumah biru itu Abang Mat beri kepada Zaini belah balai raya, hak tengah Abang Mat beri kepada Noti dan sebelah Bandar Abang Mat beri kepada Ami mu serta dengan tanah sekali’.	d
Semasa Haji Mohamed ada, sebarang pembaikan diuruskan oleh Haji Mohamed sendiri. Selepas ia meninggal urusan itu diambil alih oleh Aminah. Sewa dikutip oleh Aminah dan dibahagikan kepada masing-masing yang berhak. Dalam masa soal balas tidak ada soalan penting diajukan dan dilepaskan.	e
Saksi 2	f
Noraini Hayati binti Mohamed Yusof K/P: 620126-11-5282, 6392100 2828 D, Belakang Sekolah Panji Alam 21100 Kuala Terengganu.	g
Saksi 2 adalah anak saudara kepada Aminah binti Abdul Razak dan menjadi anak angkat kepada Si mati dan Aminah semenjak berumur 3 tahun. Saksi	h

2 dalam keterangannya memberitahu Mahkamah Si mati selalu beritahu, “Noti pergilah bersih rumah itu yang tengah untuk Noti, yang tepi hala balai raya kepada Zaini dan sebelah Bandar kepada Mak Long Mu”. Saksi juga memberitahu iaitu semasa hidup Si mati, sewa dikutip kemudian bagi kepada masing-masing. Setelah Si mati meninggal rumah itu diurus oleh saksi Defendan 2, Aminah kadang-kadang pergi kutip bersama saksi Defendan 2. Sekarang kutipan sewa dibuat oleh masing-masing.

Dalam masa soal balas saksi 2 memberitahu Si mati ada beritahunya yang tengah untuk saksi Defendan 2, yang tepi untuk Zaini. Ini berlaku semasa saksi Defendan dalam sekolah menengah tingkatan 3. Saksi Defendan 2 mula memungut sewa semenjak umur 17 tahun bukan untuk rumah biru sahajabahkan rumah-rumah lain kepunyaan Si mati. Kutipan diserahkan kepada Si mati yang kemudiannya kutipan itu diberi kepada Hajah Aminah dan kepada Zaini.

Selepas saksi Defendan 2 kemalangan kutipan sewa dijalankan oleh seorang yang bernama Abdullah, orang kepercayaan Si mati, kemudian pungutan balik kepada saksi Defendan 2.

Saksi 3

Akasah bin Adam (69)
K/P : 320808-05-5067,0475907
183, Jalan Intan
23000 Dungun.

Saksi 3 kenal Si mati. Pernah saksi 3 sewa rumah kepunyaan anak-anak Si mati dari tahun 1983-1989 duduk menyewa di Panji Alam, Lorong Kubur. Selalu pergi ke rumah Si mati atas asas guru surau dan jiran. Saksi 3 beritahu rumah Si mati dulunya berwarna biru, bina atas tanah syarikat. Pernah Si mati usaha pecah Lot tetapi tak selesai. Saksi 3 memberitahu Mahkamah iaitu dalam tahun 1980 pada waktu pagi Si mati ada beritahu saksi 3 bertempat di rumah sewa saksi Defendan 3, rumah itu diberi kepada tiga orang:-

i. Aminah yang sebelah Bandar

ii. Noti yang tengah

iii. Zaini yang sebelah Court.

Kata-kata Si mati di atas turut didengar oleh isteri saksi 3. Dalam soal balas saksi 3 menyebut perkara itu sekali sahaja dia dengar dari Si mati.

Saksi 4

Latifah binti Dool
K/P : 380808-05-5010, 0475906
183 Jalan Intan,
23000 Dungun.

a

Saksi ini berkenalan dengan Si mati dan Aminah semenjak 1975 semasa saksi itu menyewa di situ. Saksi yang sama menyebut Si mati ada buat rumah tiga pintu dekat taska. Mengikutnya Si mati selalu singgah dirumah sewanya selepas subuh dan ada menyebut “Saya beri dah rumah-rumah tu kepada Aminah, Noti dan Zaini’. Dalam soal balas saksi yang sama menerangkan nama-nama orang iaitu Aminah, Zainal dan Noti dengan hak masing-masing. Defendan 1 mendakwa adanya Hibah oleh Mohamed bin Abdullah, Si mati kepada:-

b

- i. Zaini yang disebelah balai raya
- ii. Norhayati yang tengah
- iii. Aminah yang sebelah Bandar

c

d

Isu yang ditimbulkan oleh peguam Plaintiff ialah tidak adanya qabul/ penerimaan selepas Si mati menyebut “rumah nak beri ke Mu sebuah, beri kepada Zaini sebuah dan beri kepada Norhayati sebuah”. Oleh itu hibah dalam kes ini tidak menurut Hukum Syarak.

e

Peguam Defendan-Defendan berkata harta yang terlibat iaitu tanah 2/12 bahagian yang memakai keterangan GM 210 Lot 3467 Mukim Bukit Besar, Kuala Terengganu di mana atas tanah tersebut terdapat 3 buah bangunan kedai 2 tingkat yang memakai alamat No. 1629 A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu. Harta tersebut didaftar atas nama Mohamed bin Abdullah. Semasa hidup Si mati 3 buah bangunan kedai yang berada atas GM 210 Lot 3467 telah selesai dibahagikan kepada tiga nama tersebut di atas.

f

Keterangan Saksi-Saksi Defendan

Melihat kepada keterangan saksi-saksi Defendan 1 adalah didapati perkara berikut :-

g

- 1. Saksi-saksi yang dipanggil begitu ketahui tentang perkara yang hendak disampaikan di hadapan Mahkamah.
- 2. Fokus mereka ialah jelas iaitu adanya satu pemberian semasa Si mati masih hidup.

h

3. Tajuk pemberian juga jelas iaitu harta yang berbentuk bangunan kedai 2 tingkat atas tanah yang memakai keterangan GM 210 Lot 3467 Mukimm Bukit Besar, Kuala Terengganu.

4. Yang menerima juga jelas iaitu:

i. Noraini Hayati binti Mohamed Yusof
K/P : 620126-11-5182, 6392100

ii. Zaini binti Mohamed
K/P: 710323-11-5192

iii. Aminah binti Abdul Razak K/P:
320324-11-5000,0458545

5. Walau bagaimanapun keterangan mereka ada kelemahannya iaitu mereka adalah individu yang menjadi penerima kepada hibah yang dipertikai kecuali saksi Defendan 3 yang bernama Akasah bin Adam, K/P: 320808-05-5067, 0475907 dan saksi Defendan 4 yang bernama Latifah binti Dool, K/P: 380808-05-5010, 0475906.

Dengan adanya saksi Defendan 3 dan 4 yang terdiri daripada kenalan dan bukannya penerima hibah membuat tuntutan Defendan 1 wajar dipertimbangkan mengikut lunas keterangan.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) bil.6, Tahun 2001 memperuntukkan :-

83. 83. (1)Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan Syahadah atau bayyinah sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah ‘aqil’, baligh, ‘adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Huraian: Seseorang Islam adalah disifatkan ‘adil, jika dia menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus melakukan dosa kecil.

- (2) Seseorang yang bukan Islam adalah kompeten untuk memberikan bayyinah untuk orang Islam jika keterangannya boleh diterima mengikut Hukum Syarak.

Huraian: Bayyinah seorang pakar bukan Islam terhadap seorang Islam boleh diterima, jika dikehendaki.

(3) Seseorang yang tidak ‘adil adalah kompeten untuk memberikan bayyinah tetapi tidak kompeten memberikan syahadah.

(4) Seseorang yang belum baligh atau seseorang yang tak sempurna akal adalah kompeten untuk memberikan bayyinah tetapi tidak kompeten untuk memberikan syahadah.

Huraian : Bayyinah seorang orang belum dewasa dalam kes kecederaan yang dilakukan oleh beberapa orang belum dewasa ke atas yang lain boleh diterima dengan syarat bahawa antara mereka tiada perselisihan faham dan mereka berada di tempat kejadian itu;

(5) Seseorang yang mempunyai ingatan yang lemah atau yang pelupa atau pengidap hilang ingatan adalah kompeten untuk memberikan bayyinah tetapi tidak kompeten untuk memberikan syahadah.

(6) Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan buruknya dengan pihak menentang adalah kompeten untuk memberikan bayyinah tetapi tidak kompeten untuk memberikan syahadah.

85. (1) Keterangan seorang suami terhadap isterinya dan keterangan isteri terhadap suaminya boleh diterima sebagai syahadah dan bayyinah.

(2) Keterangan seorang anak terhadap ibu bapanya dan keterangan ibu bapanya terhadap anak boleh diterima sebagai syahadah dan bayyinah.

(3) Keterangan seorang suami bagi isterinya dan keterangan isteri bagi suaminya boleh diterima sebagai bayyinah.

(4) Keterangan ibu bapanya bagi anaknya dan keterangan anak bagi ibu bapanya boleh diterima sebagai bayyinah.

90. (1) Apabila salah satu pihak bercadang hendak memberikan keterangan mengenai apa-apa fakta, Mahkamah boleh bertanya pihak yang bercadang hendak memberikan keterangan itu bagaimana fakta yang dikatakan itu, jika dibuktikan, akan menjadi qarinah; dan Mahkamah hendaklah menerima keterangan itu jika difikirkannya bahawa fakta itu, jika dibuktikan, akan menjadi qarinah, dan tidak selainnya.

- a 99. (1) Seseorang saksi boleh diperiksa balas tentang pernyataan dahulu yang dibuat olehnya secara bertulis atau yang diubah ke dalam bentuk bertulis, dan yang relevan kepada perkara-perkara yang dipersoalkan dalam guaman atau prosiding yang dalamnya dia diperiksa balas itu, tanpa tulisan itu ditunjukkan kepadanya atau dibuktikan, tetapi jika dimaksudkan untuk menyangkal saksi itu mestilah diarahkan kepada mana-mana bahagian tulisan itu yang hendak digunakan bagi maksud menyangkalnya.
- b (2) Jika seseorang saksi, apabila diperiksa balas tentang pernyataan lisan dahulu yang dibuat olehnya yang relevan kepada perkara yang dipersoalkan dalam guaman atau prosiding yang dalamnya dia diperiksa balas itu dan yang tak konsisten dengan testimoni yang sedang diberinya, tidak mengaku dengan nyata bahawa dia telah membuat pernyataan itu, maka bukti boleh
- c diberikan yang dia telah sebenarnya membuat pernyataan lisan itu; tetapi sebelum bukti boleh diberikan, hal keadaan pernyataan yang dikatakan itu, yang cukup untuk menentukan kejadian tertentu itu, hendaklah disebut kepada saksi itu, dan dia mestilah ditanya samada dia telah membuat pernyataan itu atau tidak.
- d 100. Apabila seseorang saksi boleh diperiksa balas, maka dia bolehlah, sebagai tambahan kepada soalan yang disebut terdahulu daripada ini, ditanya apa-apa soalan yang cenderung;
- e (a) menguji ketepatannya, kebenarannya atau kebolehpercayaannya;
- (b) menentukan siapa dia dan apakah taraf hidupnya; atau
- f (c) melemahkan kebolehpercayaannya dengan mencela wataknya, walaupun jawapan kepada soalan itu mungkin secara langsung atau tak langsung, cenderung melibatkannya dalam jenayah atau boleh mendedahkan atau mungkin secara langsung atau tak langsung cenderung mendedahkannya kepada sesuatu penalti atau pelucut hakkan.
- g 108. Kebolehpercayaan seseorang saksi boleh dicabar dengan cara yang berikut oleh pihak menentang atau, dengan izin Mahkamah, oleh pihak yang memanggilnya;
- h (a) Dengan keterangan yang diberikan oleh orang yang menyatakan bahawa mengikut pengetahuan mereka tentang saksi itu mereka mempercayai bahawa saksi itu tidak boleh dipercayai;

- (b) Dengan membuktikan bahawa saksi itu telah disogok, atau telah menerima apa-apa dorongan rasuah yang lain untuk memberikan keterangannya;

(c) Dengan membuktikan pernyataan dahulu yang tak konsisten dengan mana-mana bahagian keterangannya yang boleh disangkal. Huraian : Seseorang saksi yang mengatakan bahawa seorang saksi lain tidak boleh dipercayai tidak boleh, dalam pemeriksaan utamanya, memberikan sebab dia mempercayai sedemikian, tetapi dia boleh ditanya sebab-sebabnya dalam pemeriksaan balas, dan jawapan yang diberikannya itu tidak boleh disangkal, walaupun jika jawapan itu palsu, dia boleh kemudiannya dipertuduh kerana memberikan keterangan palsu.

a

b

Soal balas yang dikemukakan kepada saksi-saksi Defendan tidak menampakkan boleh mengurangkan kebolehpercayaan saksi-saksi Defendan 1. Soal yang patut diberi perhatian ialah samada pemberian itu sah mengikut Hukum Syarak? Sebelum daripada itu apa yang jelas di sebut oleh saksi-saksi Defendan ialah Si mati telah membuat pemberian semasa hidupnya kepada orang-orang yang disebut iaitu Noraini Hayati, Zaini dan Aminah. Keterangan menunjukkan pemberian itu tidak sedikitpun dikaitkan dengan apa pembalasan atau ianya semata pemberian semasa hidup. Pemberian seperti ini dinamakan dalam Hukum Syarak Hibah. Ini menepati dengan definasinya dalam kitab-kitab Fiqh, antaranya Kitab *I'aanah al-Talibin* hal 168 yang menyebut:

c

d

الهبة: تمليك عين يصح بيعها غالبا، أو دين من أهل تبرع، بلا عوض

e

Ertinya: Hibah beerti memberi milik sesuatu barang yang pada kebiasaannya sah dijual atau memberi milik suatu hutang dari seorang yang layak membuat tabarru' dengan tidak ada apa-apa pembalasan.

f

Meneliti definasi yang disebut kita dapati adanya rukun-rukun Hibah iaitu :-

g

- i) Sighah (*Ijab* dan *qabul*)

ii) Pembuat dan penerima hibah (*wahib* dan *mauhublah*)

iii) Barang atau harta hibah (*mauhubbih*)

h

(iii) Persoalan qabul apakah perlu dibuat selepas ijab dibuat oleh pemberi atau terkemudian? Soal ini nampak jelas tidak diberi perhatian. Adalah menjadi kewajipan Mahkamah bicara supaya soal seperti ini dapat diselami sebelum membuat kesimpulan. Apa yang lahir bahawa hibah yang dibuat oleh Si mati tidak diikuti dengan qabul secara terang selepas pemberian itu dibuat oleh Si mati berkenaan, Walau bagaimanapun merujuk kepada rekod rayuan adalah didapati perkara-perkara berikut :-

- (i) Tidak ada penarikan balik oleh Si mati dalam hayatnya selepas hibah itu dibuat. a
- (ii) Si mati dalam masa hayatnya ada menyuruh sebahagian daripada penerima memungut sewa bangunan tersebut dan membahagikan perolehannya kepada penerima-penerima. b
- (iii) Soal penarikan balik tidak dibangkit oleh pihak yang menentang. c
- (iv) Reaksi penerima hibah semasa ijab dibuat adakah menerima atau menolak. Keadaan ini yang tidak jelas dan tidak diberi perhatian semasa perbicaraan. d
- (v) Pun begitu dengan permohonan Defendan 1 di hadapan Mahkamah Tinggi supaya soal samada hibah wujud atau sebaliknya menghilangkan keraguan bahawa hibah itu tidak ada qabul, akan tetapi penerimaan di peringkat ini adalah terlalu lewat. e

Merujuk kepada fakta-fakta yang dikemukakan di hadapan YA. Hakim Bicara bahawa bangunan dan tapaknya belum lagi di miliki oleh ketiga-tiga penerima hibah berkenaan. Sepintas lalu mungkin ini adalah betul kerana bangunan yang dimaksudkan masih memakai nama Si mati. Diandaikan jika bangunan tersebut telah bertukar kepada nama penerima-penerima, kemungkinan kes ini tidak lagi perlu dibawa kepada Mahkamah, kerana segala-galanya telah jelas dan tercatat dalam dokumen. Apa yang menimbulkan pertikaian di sini ialah pemberian hibah yang dibuat oleh Si mati telah dipersaksikan oleh saksi-saksi dan tidak ada penarikan balik dalam masa hayat Si mati. Pun begitu bangunan yang menjadi hibah masih memakai nama Si mati. Inilah perkara yang membawa kepada perlunya ada keputusan Mahkamah. f

Ketiga-tiga penerima hibah itu mengaku bahawa mereka telah menerima hasil sewaan bangunan tersebut sejak Si mati masih hidup lagi. Malah seorang penerima, Noraini Hayati binti Mohamed Yusof ada mengaku bahawa beliau telah mula mengutip sewa rumah berkenaan sejak berumur 17 tahun lagi. Setelah sewa rumah berkenaan dikutip olehnya, kutipan itu diserahkan kepada Si mati Haji Mohamed yang kemudiannya Si mati Haji Mohamed memberi g

balik kepadanya, kepada Defendan 1 dan kepada Zaini. Defendan 1 sering kali ke rumah yang memakai alamat penyampaian 1629 A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu bagi tujuan pembersihan.

Keadaan-keadaan ini boleh digunakan sebagai qarinah penerimaan dari penerima. Zaini pula pada masa lafaz ijab hibah dibuat oleh Haji Mohamed baru berumur kira-kira 15 tahun. Biasanya seorang perempuan berumur 15 tahun sudah sampai umur baligh mengikut Hukum Syarak. Kitab-kitab Fiqh (lihat : *al-Umm* 2;10, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, 1:456) cuba menerangkan seorang wanita dikira cukup umur apabila datang haid dan masanya antara 9-15 tahun Hijri. Jika pada masa ini ia sudah baligh maka pada perkiraan Syarak ia sudah layak untuk menerima pemberian untuk dirinya. Zaini pada masa lafaz ijab hibah dibuat ia berumur kira-kira 15 tahun. Soal samada ia sudah baligh atau pun tidak semasa ijab dibuat patut diberi perhatian oleh Mahkamah Bicara. Jika pada masa lafaz ijab hibah dibuat Zaini belum baligh maka barulah penerimaan hibah bagi Zaini boleh dilakukan oleh Haji Mohamed sendiri. Itu pun jika tidak terdapat mana-mana wali berikut : bapa diikuti wasinya, datuk diikuti wasinya. (*al-Fiqh al-Islami*. 5:25)

Kedudukan Harta Atas Tanah Bersama

Pihak-pihak begitu maklum bahawa rumah 3 pintu beralamat di No. 1629 A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu berada atas tanah GM 210 Lot 3467, Mukim Bukit Besar, Kuala Terengganu didaftarkan atas nama:-

- (i) Mohamed bin Abdullah

- 2/12 bhg
- (ii) Hashim bin Sulaiman

- 1/12 bhg
- (iii) Kamarudin bin Sulaiman

- 1/12 bhg
- (iv) Engku Datuk Ibrahim Engku Ngah

- 8/84 bhg
- (v) Engku Lailani bt. Engku Datuk Ibrahim

- 8/84 bhg
- (vi) Engku Haliza bt. Engku Ibrahim

- 8/84 bhg
- (vi) Engku Murad bin Engku Ibrahim

- 8/84 bhg
- (viii) Engku Datuk Ibrahim bin Engku Ngah
(Pemegang Amanah)

- 24/84 bhg

Ini bermakna Si mati telah membuat hibah harta miliknya yang terletak atas tanah No. 1629 A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu bersekali dengan tapak bangunan yang dikongsi bersama dengan kadar 2/12 bahagian dari satu bidang tanah yang memakai keterangan GM 210 Lot 3467 Mukim Bukit Besar, Daerah Kuala Terengganu kepada:-

i. Noraini Hayati binti Mohamed Yusof
K/P : 620126-11-5182, 6392100

ii. Zaini binti Mohamed
K/P : 710323-11-5192

iii. Aminah binti Abdul Razak
K/P : 320324-11-5000, 0458545

Imam al-Shafie dalam bukunya al-Umm : 15:373

(fasl).. “dan sesuatu yang harus menjualnya daripada mata benda adalah harus menghibahkan dia, kerana ia adalah suatu aqad yang bertujuan memiliki mata benda itu, itu (orang itu) dapat memiliki apa yang ia boleh miliki melalui jual beli, dan apa-apa yang harus memberinya juga adalah harus memberi sebahagian yang dikongsi bersama...”.

Perkara ini juga terdapat dalam kitab *Kifayah al-Akhyar* : 1:324:

وتجوز هبة المشاع للشريك وغيره، وكذا تجوز هبة أرض يزرعها وكل ما يصح بيعه

Bererti : “ Adalah harus membuat hibah harta kongsi untuk rakan kongsi dan orang lainnya, dan begitu juga harus membuat hibah sekeping tanah pertanian dan mana-mana harta yang sah dijual belinya”.

Setelah meneliti rekod perbicaraan dan penghujaan kedua-dua pihak, Ahli Panel Rayuan mengambil perhatian iaitu :

Aminah menuntut hibah bagi dirinya sementara dua yang lain iaitu Noraini Hayati binti Mohamed Yusof, K/P : 620126-11-5182 dan Zaini binti Mohamed, K/P : 710323-11-5192, sebelum perbicaraan sepatutnya memberi wakil kepada Aminah untuk menuntut hak dalam perbicaraan tersebut dan tidak bertindak sebagai saksi. Ini kerana bercanggah dengan Hukum Syarak disebabkan terdapat tohmah sebagaimana hadith riwayat al-Hakim:

أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: [لا تجوز شهادة ذى الظنة ولا ذى الحنة]
والظنة: التهمة والحنة: العداوة

(Disebut dalam *Mughni al-Muhtaj* : 4 : 427)

Ertinya :

Tidak boleh diterima saksi yang ada terdapat tohmah atau ada permusuhan.

KEPUTUSAN

a Oleh yang demikian rayuan diterima dan keputusan YA Hakim Bicara dikekalkan dengan pindaan iaitu :

- b* 1. Tuntutan Hibah oleh Aminah adalah sabit sementara dua yang lain (Noraini Hayati binti Mohmed Yusof, K/P : 620126-11-5182 dan Zaini binti Mohamed, K/P : 710323-11-5192 boleh menuntut bahagian masing-masing semasa pelaksanaan keputusan di Mahkamah Bicara.
2. Pihak-pihak menanggung kos.

c

d

e

f

g

h